

**MENGENAL TAHAP KEFAHAMAN PENCARUM KWSP TERHADAP
PENAMAAN CARUMAN BAGI PEKERJA SEKITAR
SEBERANG JAYA, PULAU PINANG.**

10DIB13F1010 NORIZZATI BINTI ROSNAN
10DIB13F1018 SITI ZALIKHA BINTI MOHD HANAFIAH
10DIB13F1048 NUR HAFIEDA BINTI SAUFE
10DIB13F1064 MUHAMMAD RIDZUAN BIN AZAHARI
10DIB13F1078 NUR AFIQAH BINTI ABDUL HALIM
10DIB13F1084 AQILA SHAFIQA BINTI AHMAD TARMIZI
10DIB13F1088 INTAN DIANA SHAKIENA BINTI RAHIM

**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI DIPLOMA
KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM**

**JABATAN PERDAGANGAN
POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

DISEMBER 2015

PENGHARGAAN

Dipanjatkan kesyukuran kepada Yang Maha Pencipta yang memberikan nikmat Islam dan Iman kepada kita semua. Begitu juga dengan rezeki yang dikurniakan dan kesihatan diri yang baik bagi meneruskan tugas sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Alhamdulillah syukur kehadiran ilahi kerana kami sekumpulan dapat menyiapkan tugas yang dipertanggungjawabkan dalam tempoh yang diberikan. Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kerana dikurniakan tenaga dan kesihatan tubuh badan bagi menyiapkan kajian mengenai tahap kefahaman penamaan di KWSP terhadap orang ramai disekitar Seberang Perai, Pulau Pinang. Selain itu kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia kami iaitu Pn Anis Farita binti Mohamad Yatim, kerana telah banyak memberi tunjuk ajar serta cadangan yang bernas mengenai perkara dan tindakan yang kami perlu ambil sepanjang tempoh kajian ini dilakukan. Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada pensyarah khusus PB605-Business Research iaitu En Asyraf bin Mohammed kerana sudi memberi tunjuk ajar yang memberangsangkan sepanjang kajian dilakuakn. Segala tunjuk ajar yang telah diberikan kepada kami sekumpulan akan kami manfaatkan untuk kepentingan pada masa hadapan.

Akhir sekali, tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat keatas sumbangan yang diberikan bagi membantu menyiapkan kajian ini. Terutama kepada semua ahli di Institusi KWSP (Kewangan Wang Simpanan Pekerja) yang telah banyak memberi bantuan, dorongan, nasihat, kata semangat dan tunjuk ajar. Tanpa tunjuk ajar yang diberikan kami sekumpulan mungkin tidak akan dapat menyiapkan tugas ini dengan sebaik mungkin. Sekian Wasalam.

ABSTRAK

Sistem penamaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah dibuat sejak dulu lagi pada tahun 1952. Sistem penamaan ini diwujudkan bertujuan untuk memudahkan ahli menamakan atau mengagihkan wang simpanan selepas ahli meninggal dunia. Sistem penamaan ini dapat membantu ahli keluarga pencarum mendapat tuntutan wang caruman dengan lebih cepat berbanding ahli keluarga pencarum yang tidak membuat penamaan. Pelbagai isu dan permasalahan yang timbul mengenai pembekuan harta KWSP yang tidak dituntut oleh ahli keluarga pencarum disebabkan ahli gagal membuat penamaan di KWSP. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap kefahaman orang ramai mengenai sistem penamaan di KWSP. Kajian ini menekankan beberapa aspek antaranya ialah faktor manfaat, faktor tahap pengetahuan, dan faktor kesan terhadap pencarum dan keluarga pencarum sekiranya tidak membuat penamaan di KWSP. Bagi mencapai objektif kajian seramai 100 pencarum yang beragama Islam di sekitar Seberang Jaya telah dipilih sebagai responden. Kaedah tinjauan yang digunakan adalah menerusi borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Hasil dapatan kajian diproses dan dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS versi 22. Daripada proses dan analisi yang dilakukan, hasil dapatan menunjukkan bahawa min purata tertinggi adalah faktor manfaat. Manakala min purata sederhana dan terendah ialah faktor tahap pengetahuan dan faktor kesan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pencarum disekitar Seberang Jaya, Pulau Pinang dapat difahami secara terperinci tentang sistem penamaan di KWSP.

ABSTRACT

Nomination system Employees Provident Fund (EPF) has been made a long time ago in 1952. This nomination system established to facilitate the selection or distribute the savings after the member's death. This nomination system can help a family member contributors can claim contributions be faster than family members who do not make a nomination. Various issues and problems that arise concerning the freezing of assets of the fund that are not claimed by family members of its expert contributors fail to make a nomination in the EPF. Therefore, this study was conducted to determine the level of public understanding about the nomination system at EPF. This study highlighted several aspects which are useful factors, level of knowledge factors, and factors affecting the contributor and if the family contributor does not make a nomination in the EPF. To achieve the objectives of this study there were 100 contributors Muslims around Seberang Jaya was selected as respondents. The survey method used was through a questionnaire as an instrument. The findings were processed and analyzed using IBM SPSS software version 22. From the process and the analysis conducted, the findings showed that the mean average of the highest benefit factor. While the simple average and the lowest is the level of knowledge and impact factor. The findings show that contributors around Seberang Jaya, Penang can be understood in detail about the naming system in EPF.

KANDUNGAN	Halaman
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar belakang masalah	1
1.2 Penyataan masalah	3
1.3 Objektif kajian	4
1.4 Persoalan kajian	5
1.5 Skop kajian	5
1.6 Kepentingan kajian	
1.6.1 Kepentingan kepada pihak organisasi (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja)	5
1.6.2 Kepentingan kepada pekerja sekitar Seberang Jaya Pulau Pinang	6
1.6.3 Kepentingan kepada penyelidik	6
1.6.4 Kepentingan kepada penyelidik akan datang	6
1.7 Definisi operasi	
1.7.1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	7
1.7.2 Faraid	7
1.7.3 Penamaan	8
1.7.4 Kefahaman	8
1.7.5 Fatwa	
1.7.6 Pencarum	

	1.7.7 Harta	
1.8	Limitasi kajian	8
BAB II	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pendahuluan	10
2.2	Faktor manfaat	11
2.3	Faktor tahap pengetahuan	14
2.4	Faktor kesan	15
2.5	Kesimpulan	17
BAB III	SOROTAN KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	19
3.2	Reka bentuk kajian	20
3.3	Teknik pengumpulan data	
	3.3.1 Data primer	21
	3.3.2 Data sekunder	21
3.4	Populasi dan persampelan	
	3.4.1 Populasi	22
	3.4.2 Persampelan	22
3.5	Instrumen kajian	23
3.6	Tatacara kajian	
	3.6.1 Langkah 1: Membuat perbincangan	25
	3.6.2 Langkah 2: Menetapkan objektif kajian	25
	3.6.3 Langkah 3: Pembinaan soalan	25
	3.6.4 Langkah 4: Mengedarkan “pilot test”	26
	3.6.5 Langkah 5: Mengedarkan borang soal selidik kepada responden	26
	3.6.6 Langkah 6: Kutipan borang soal selidik	26
	3.6.7 Langkah 7: Perbincangan	27
	3.6.8 Langkah 8: Kesimpulan dan cadangan	27
3.7	Kesimpulan	27

BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	29
4.2	Analisis kebolehpercayaan data	30
4.3	Dapatan kajian	
4.3.1	Bahagian A: Latar belakang responden	31
4.3.2	Bahagian B: Mengkaji tahap kefahaman pencarum KWSP terhadap penamaan caruman bagi pekerja sekitar Seberang Jaya, Pulau Pinang	36
BAB V	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pendahuluan	48
5.2	Perbincangan	
5.2.1	Perbincangan berkaitan dengan kajian mengenalpasti manfaat yang diperolehi oleh pencarum KWSP (Faktor Manfaat)	49
5.2.2	Perbincangan berkaitan dengan kajian mengenalpasti tahap pengetahuan pencarum terhadap kewujudan penamaan dalam caruman KWSP (Faktor Pengetahuan)	51
5.2.3	Perbincangan berkaitan dengan kajian mengenalpasti kesan yang ditanggung oleh keluarga pencarum KWSP sekiranya tidak membuat penamaan (Faktor Kesan)	52
5.3	Implikasi kajian	54
5.4	Cadangan	
5.4.1	Cadangan kepada pihak organisasi (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja)	55
5.4.2	Cadangan kepada pencarum	56
5.4.3	Cadangan kepada pengkaji akan datang	57
5.5	Kesimpulan	58

SENARAI JADUAL**Table No.****halaman**

3.5	Skala likert	24
4.2	Jadual Analisis kebolehpercayaan data	30
4.3	Skala Min Skor	37
4.4	Analisis soalan berkaitan mengenalpasti manfaat yang diperolehi oleh pencarum KWSP yang telah membuat penamaan (Faktor manfaat)	37
4.5	Analisis soalan berkaitan mengenalpasti tahap pengetahuan pencarum terhadap kewujudan penamaan dalam caruman KWSP (faktor tahap pengetahuan)	40
4.6	Analisis soalan berkaitan mengenalpasti kesan yang ditanggung oleh keluarga pencarum KWSP sekiranya tidak membuat penamaan (Faktor Kesan).	43

SENARAI RAJAH**No. Rajah**

4.3.1	Taburan responden mengikut jantina	31
4.3.2	Taburan responden mengikut umur	32
4.3.3	Taburan responden mengikut status	33
4.3.4	Taburan responden mengikut profesion	34
4.3.5	Taburan responden mengikut pendapatan	35

BAB I

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH

Sistem penamaan merupakan salah satu kaedah yang digunakan bagi memudahkan urusan pentadbiran harta seseorang selepas kematiannya. Sistem ini telah menjadi suatu amalan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sejak sekian lama samaada untuk yang beragama Islam atau bukan Islam. Amalan penamaan telah dinyatakan di dalam Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 secara umum dan diikuti penjelasan tambahan ada disebutkan juga dalam peraturan-peraturan dan kaedah-kaedahnya. Namun, amalan penamaan ini masih dipandang sepi oleh majoriti ahli KWSP sehingga kini. Penglibatan pemilik wang simpanan persaraan iaitu pencarum KWSP terhadap pelaksanaan sistem penamaan ini masih di peringkat yang rendah (Jasni Sulong 2011).

Menurut laporan yang dibuat oleh pihak KWSP pada tahun 2003 hanya kira-kira 30.8% iaitu 3.2 daripada 10.4 juta ahli yang telah membuat penamaan terhadap caruman masing-masing (News Straits Times 9 November 2003). Manakala pada tahun 2009 pula dicatatkan masih sekitar 30% yang telah mempunyai penama berbanding lebih 11 juta pencarum KWSP yang berdaftar (Hizwani Hassan 2009 & Suhaida Abu Bakar 2010). Bahkan sehingga Oktober 2012 didapati hanya seramai 3.4 juta daripada lebih 13 juta pencarum KWSP mempunyai penama iaitu dianggarkan hanya 26%

penarum yang telah menamakan penama ke atas wang simpanan persaraan mereka (Farizan Kamaluddin 2012)

Sistem penama ke atas harta alih khususnya masih lagi menjadi isu yang berpanjangan di Malaysia. Isu mengenai penamaan telah menarik perhatian banyak pihak terutamanya berkaitan pengurusan harta alih bagi masyarakat Islam. Walaupun sudah ada fatwa tentang status harta penamaan, namun masih terdapat banyak pemilik harta alih yang tidak mempedulikan tanggungjawab tersebut. Jika ditinjau dari sudut undang-undang, sistem penamaan yang telah diamalkan sebelum negara merdeka lagi adalah merupakan suatu bentuk arahan yang sah dan pemakaiannya meliputi orang-orang Islam dan bukan Islam.

Sistem penamaan sama sekali berbeza dengan Ordinan Wasiat 1959 yang terpakai kepada orang-orang bukan Islam sahaja (Mohd Ridzuan Awang 1994 & Jasni Sulong 2011). Malahan, isu penamaan ini juga telah dibincangkan dalam pelbagai peringkat pertemuan oleh golongan agamawan. Perbincangan dimulakan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (kini dikenali Majlis Muzakarah Fatwa Kebangsaan) telah mengeluarkan fatwa pertama berkenaan status harta penama orang Islam dan dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada 20 September 1973, adalah seperti berikut, Penama-penama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Wang Simpanan Pejabat Pos, Bank, Insurans dan Syarikat Kerjasama sebagai orang yang melaksanakan wasiat si mati daripada sumber-sumber tersebut untuk dibahagikan kepada orang yang berhak menurut pembahagian faraid.

Perkara yang sama juga telah dibahaskan pada peringkat seterusnya di dalam satu kertas kerja oleh Majlis Muzakarah Fatwa Kebangsaan bertarikh 19 September 2000 (Narizan Abdul Rahman 2006 & Jasni Sulong 2011). Hasil daripada muzakarah telah mengeluarkan fatwa berkenaan hukum wang simpanan KWSP, SOCSO dan seumpamanya bagi penarum yang beragama Islam yang meninggal dunia. Antaranya wang KWSP dan yang disimpan adalah pusaka yang mesti dibahagikan menurut hukum

faraid. Selain itu, penama KWSP adalah wasi atau pentadbir harta. Penama hendaklah membahagikan wang KWSP (peninggalan si mati) mengikut hukum faraid dan juga bahagian Undang-undang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) hendaklah menasihatkan KWSP supaya menyemak semula peraturan dan undang-undang yang sedia ada berhubung dengan penamaan supaya selaras dengan hukum syarak.

1.2 PENYATA MASALAH

Masyarakat di Malaysia, pada keseluruhannya sudah biasa mendengar perkataan penamaan, namun tahap kefahaman mereka tentang perkara ini belum dapat dipastikan. Jarang berlaku perbualan dan perbincangan dalam masyarakat mengenainya.

Harta pusaka merupakan salah satu persoalan yang penting dalam kehidupan manusia. Harta yang diperolehi melalui pembahagian harta pusaka dapat menjamin kehidupan seseorang individu di masa hadapan. Oleh itu, hak-hak kemanusiaan daripada satu generasi kepada generasi berikutnya akan terjamin. Sebahagian manusia menganggap bahawa harta benda dijadikan ukuran sebagai penentu kejayaan hidup seseorang, maka akan terbukalah ruang terjadinya perbalahan dalam penguasaan harta pusaka tersebut. Wujudnya perbalahan dalam pembahagian pusaka terjadi dalam pelbagai bentuk, antara harta pusaka hanya dibahagikan setelah sekian lama orang yang diwarisi itu meninggal dunia, kedudukan harta yang tidak jelas, sengaja melakukan penipuan dokumen penting seperti surat kematian, surat perjanjian dan sebagainya.

Menurut laporan yang dibuat oleh pihak KWSP pada tahun 2003, hanya kira-kira 30.8% iaitu 3.2 juta daripada 10.4 juta ahli yang telah membuat penamaan terhadap caruman masing-masing dan pada tahun 2007 menunjukkan RM70 juta tidak dituntut selepas kematian pencarum (News Straits Time 21 Januari 2007). Oleh itu, ketiadaan penama ke atas pencarum boleh menimbulkan banyak permasalahan, antaranya hilangnya dokumen harta pusaka seperti surat tanah, surat perjanjian dan sebagainya,

urusniaga hartanah tidak dapat dijalankan, wang pampasan pengambilan balik tanah tidak dapat dibayar kepada waris-waris, berbangkit isu pemilikan beramai-ramai ke atas hartanah dan menyulitkan proses perbicaraan pembahagian harta pusaka.

Hal ini boleh menyebabkan terjadinya masalah di antara ahli waris apabila tidak disegerakan pembahagian harta pusaka, di mana ada salah satu atau lebih dari pihak ahli waris yang meninggal dunia, sehingga terjadi kematian berlapis dalam pembahagian harta pusaka dan terjadi kesamaran terhadap pemilikan.

Berdasarkan kenyataan di atas, pengkaji merasakan perlu untuk melakukan kajian penamaan waris untuk memberikan pendedahan dengan lebih mendalam dengan mengunapakai kaedah faraid.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, penyelidik telah membentuk objektif kajian bagi melancarkan objektif yang telah ditetapkan iaitu:-

- i. Mengenalpasti manfaat yang diperolehi oleh pencarum KWSP yang telah membuat penamaan.
- ii. Mengenalpasti tahap pengetahuan pencarum terhadap kewujudan penamaan dalam caruman KWSP.
- iii. Mengenalpasti kesan yang ditanggung oleh keluarga pencarum KWSP sekiranya tidak membuat penamaan.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah manfaat yang diperolehi oleh pencarum KWSP yang telah membuat penamaan?
- ii. Bagaimana tahap pengetahuan pencarum terhadap kewujudan penamaan dalam caruman KWSP?
- iii. Apakah kesan yang ditanggung oleh keluarga pencarum KWSP sekiranya tidak membuat penamaan?

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini hanya dikhususkan kepada pencarum KWSP di kawasan Seberang Jaya, Pulau Pinang dan hanya terhad kepada 100 orang responden sahaja.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

1.6.1 KEPENTINGAN KEPADA PIHAK ORGANISASI (KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA)

Dapatan daripada kajian ini dapat memberi informasi kepada pihak organisasi supaya dapat menambahbaikkan dan memantapkan lagi perkhidmatan yang dilakukan dari semasa ke semasa. Pihak organisasi dapat mengetahui sejauh mana pemahaman terhadap penamaan pencarum menggunakan konsep faraid bagi pekerja sekitar Seberang Jaya, Pulau Pinang. Daripada kajian itu, pihak organisasi dapat mempergiatkan lagi usaha dalam menghebahkan lagi maklumat mengenai pemahaman terhadap penamaan pencarum menggunakan konsep faraid. Hal ini secara tidak

langsung membantu pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja meningkatkan mutu perkhidmatan mereka.

1.6.2 KEPENTINGAN KEPADA PEKERJA SEKITAR SEBERANG JAYA, PULAU PINANG

Pengguna yang dimaksudkan dalam konteks kajian ialah pekerja sekitar Seberang Jaya, Pulau Pinang yang dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Pekerja sekitar Seberang Jaya, Pulau Pinang akan lebih mengetahui tentang kesedaran penamaan pencarum kerana mereka telah menempuh alam pekerjaan dan telah didedahkan mengenai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

1.6.3 KEPENTINGAN KEPADA PENYELIDIK

Penyelidik mendapat manfaat daripada kajian ini dengan lebih mendalam mengenai kelebihan penamaan pencarum dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan mereka apabila terjadi masalah dalam penamaan pencarum.

1.6.4 KEPENTINGAN KEPADA PENYELIDIK AKAN DATANG

Melalui dapatan kajian yang telah dijalankan, ia dapat membantu pengkaji akan datang untuk membuat kajian susulan dan melakukan penyelidikan lebih terperinci dan mendalam seperti meluaskan lagi skop kajian pada masa akan datang. Di samping itu, para pengkaji akan dapat menghasilkan penyelidikan yang lebih baik dan mendalam yang dapat memberi kepuasan kepada pengguna yang boleh mengetahui pelbagai maklumat penting hasil dari kajian yang telah dilakukan.

1.7 DEFINISI OPERASI

1.7.1 KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

Menurut Portal KWSP, menyatakan bahawa KWSP merupakan sebuah institusi Keselamatan Sosial yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Malaysia, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452) yang menyediakan faedah persaraan kepada ahlinya melalui pengurusan simpanan mereka secara cekap dan boleh dipercayai. KWSP juga menyediakan sistem yang efisien dan mudah bagi memastikan para majikan memenuhi tanggungjawab undang-undang serta kewajipan moral mereka untuk mencarum kepada KWSP bagi pihak pekerja mereka.

Dalam konteks kajian ini, KWSP merupakan institusi yang menguruskan semua caruman pekerja swasta mahupun caruman yang dibuat secara sukarela.

1.7.2 FARAID

Menurut buku Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam Di Malaysia yang ditulis oleh Abdullah Alwi Hj. Hassan, menyatakan bahawa faraid dari segi bahasa ialah takdir. Yang kedua menurut dari segi istilah pula faraid ialah bahagian yang ditakdirkan oleh syarak untuk waris. Dengan kata lain, faraid merupakan ilmu yang memberi asas kepada seseorang individu yang membolehkannya mengetahui dan mengagihkan harta peninggalan kepada orang yang berhak menerimanya (waris).

Dalam konteks kajian ini, pencarum KWSP yang beragama Islam akan mengikut pembahagian secara faraid.

1.7.3 PENAMAAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), menyatakan bahawa penamaan merupakan perbuatan menamai atau menamakan. Waris itu hendaklah dianggap sebagai satu wasiat kepada seorang waris.

Dalam konteks kajian ini, penamaan adalah satu pengisytiharan secara bertulis yang dibuat oleh ahli dalam borang KWSP 4 bagi melantik atau menamakan seseorang atau mana-mana orang sebagai “benefisiari” atau bertindak sebagai pentadbir (bagi orang yang beragama Islam) keatas simpanan KWSP apabila ahli meninggal dunia.

1.7.4 KEFAHAMAN

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, menyatakan bahawa kefahaman merupakan sesuatu perkara atau hal yang difahami oleh orang tersebut dengan cara mereka membuat suatu penilaian bagi memahami sesuatu perkara.

Kefahaman dalam konteks kajian ini, merupakan tahap kefahaman orang ramai terhadap penamaan di dalam KWSP.

1.7.5 FATWA

Definisi Fatwa (Bahasa) Pada bahasa , ia diambil daripada afta – ifta'an yang memberi maksud menjelas dan menghuraikan hukum permasalahan .

Definisi Fatwa (Istilah) Pada istilahnya pula , fatwa mempunyai pelbagai definisi antaranya : - Fatwa adalah sebagai jawapan yang dibuat oleh Mufti pada perkara yang berlaku apabila diajukan soalan kepadanya . - Fatwa ialah mengkhabarkan hukum Allah SWT sama ada pada yang mesti atau harus.

1.7.6 CARUMAN

Caruman bermaksud sejumlah wang yang dicarumkan kepada KWSP berdasarkan gaji bulanan seseorang pekerja. Caruman bulanan ini akan dimasukkan ke dalam akaun KWSP pekerja berkenaan.

Caruman KWSP pekerja terdiri daripada caruman bahagian pekerja dan caruman bahagian majikan.

Caruman bahagian pekerja ialah sebahagian daripada gaji pekerja yang dicarumkan di KWSP. Caruman bahagian majikan pula ialah jumlah wang yang diberikan oleh majikan berdasarkan gaji pekerja untuk disimpan di KWSP.

1.7.7 HARTA

Maksud harta ialah segala jenis barangan yang halal diperolehi dengan cara yang sah mengikut hukum syarak. Apabila mencukupi syarat-syarat tertentu harta berkenaan

wajib dikeluarkan zakat untuk diagihkan kepada yang berhak menerimanya sebagai satu cara penyucian harta tersebut, antara kelebihan mengagihkan harta tersebut ialah:

- i) membantu golongan yang memerlukan
- ii) mendapat keberkatan daripada Illahi
- iii) mewujudkan keharmonian dalam masyarakat

Harta menurut kajian ini adalah mengenai wang caruman yang dilaburkan oleh setiap pencarum di dalam KWSP.

1.8 LIMITASI KAJIAN

Semasa menjalankan kajian ini, pengedaran soalan-soalan kaji selidik dalam kajian ini hanyalah di sekitar Seberang Jaya, Pulau Pinang. Antara cabaran yang dialami dalam menjalankan kajian adalah kesukaran untuk mencari responden yang tidak memberi kerjasama ketika mengedarkan soalan-soalan kaji selidik kepada mereka.

Tambahan pula, semasa borang kaji selidik diedarkan kepada responden, berkemungkinan responden memberi jawapan yang tidak jujur. Keadaan ini, akan menjejaskan proses pengiraan "Pilot Test" dan memberikan impak yang negatif kepada purata skor min.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENDAHULUAN

Tujuan sorotan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji objektif-objektif yang berkaitan dengan kajian yang ingin dijalankan. Perbincangan dalam bab ini adalah berdasarkan kepada teori-teori yang digunakan dalam kajian lepas, artikel dan lain-lain sumber yang digunakan bagi tujuan kajian ini.

Seperti yang telah dibincangkan dalam bab 1 kajian ini bertujuan untuk mengkaji 3 objektif yang berkaitan dengan kajian ini. Bab ini akan bermula dengan bahagian 2.1 iaitu membincangkan mengenai sorotan kajian yang berkaitan dengan elemen pertama mengenalpasti kelebihan yang diperolehi oleh pencarum KWSP yang telah membuat penamaan. Diikuti dengan elemen yang kedua iaitu mengenalpasti tahap pengetahuan pencarum terhadap kewujudan penamaan dalam caruman KWSP di dalam bahagian 2.2 dan bahagian 2.3 dimana ia membincangkan mengenai elemen yang ketiga iaitu mengenalpasti kesan yang ditanggung oleh keluarga pencarum KWSP sekiranya tidak membuat penamaan.

2.2 FAKTOR 1 : MENGENALPASTI MANFAAT YANG DIPEROLEHI OLEH PENCARUM KWSP YANG TELAH MEMBUAT PENAMAAN (FAKTOR MANFAAT)

Penamaan merupakan satu proses apabila seseorang yang telah membuat simpanan atau caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan pekerja (KWSP) telah menamakan penama untuk memperolehi faedah daripada wang caruman berkenanaan apabila pencarum meninggal dunia. Melalui sistem penamaan, penama boleh membuat tuntutan terhadap wang simpanan pencarum yang telah meninggal dunia dan pihak pengurusan KWSP akan menguruskan pembayaran tersebut dengan cepat dan mudah tanpa perlu dokumen pentadbiran harta.

Bagi pencarum yang beragama Islam, hak dan kedudukan penama adalah berbeza dengan pencarum yang bukan Islam dimana sebahagian harta pusaka si mati yang tertakluk pada skim pembahagian harta di bawah undang-undang faraid. Wang caruman KWSP yang di terima oleh penama dipegang semata-mata atas amanah untuk waris-waris dibawah undang-undang faraid.

"Dan bagi kamu (suami) satu perdua dari harta yang ditinggalkan isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak, jika isteri kamu mempunyai anak maka kamu mendapat satu perempat daripada harta yang ditinggalkannya sesudah dipenuhi wasiat yang dibuat dan sesudah dibayar hutangnya. Dan bagi mereka pula (isteri) memperoleh seperempat harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak, jika mempunyai anak, maka isteri memperoleh satu perlepas daripada harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang dibuat dan sesudah dibayar hutangnya. Jika seseorang mati baik lelaki atau perempuan yang tidak meninggalkan ayah dan tidak meninggalkan anak tetapi mempunyai seorang saudara lelaki seibu atau saudara perempuan seibu, maka bagi masing-masing ialah satu perenam harta. Tetapi jika saudara seibu itu lebih daripada seorang maka mereka bersekutu dalam sepertiga, sesudah dipenuhi wasiat dibuatnya atau sesudah dibayar hutangnya dengan tidak

memberi mudarat kepada ahli waris. Allah menetapkan yang sedemikian itu sebagai syariat yang benar dari Allah."(Surah Al-Nisa': 12).

Faraid merupakan suatu kaedah pembahagian harta yang digunakan dalam Islam sebagaimana yang diputuskan dalam Al-Qur'an. Faraid merupakan satu ibadah ke jalan Allah yang digalakkan dalam Islam kerana dapat memberi kesejahteraan kepada kehidupan individu, keluarga serta masyarakat di masa hadapan dengan tidak mengabaikan hak keluarga ke atas harta yang ditinggalkan.

Dengan menggunakan konsep faraid dalam pembahagian wang caruman KWSP dapat memberikan manfaat berpanjangan kepada kesemua pihak dalam mewarisi wang caruman KWSP yang telah ditinggalkan oleh si mati untuk diwarisi oleh pewaris dan waris-waris tidak perlu bersusah payah dalam mendapatkan hak mereka. Menurut (Narizan Abdul Rahman, 2006) bahawa Majlis Muzakarah Fatwa Kebangsaan bertarikh 19 September 2000, telah mengeluarkan fatwa berkenaan hukum wang simpanan KWSP dimana penama hendaklah membahagikan wang simpanan tersebut mengikut hukum faraid dan bahagian Undang-undang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) hendaklah menasihatkan pengurus KWSP supaya menyemak semula peraturan yang sedia ada berhubung dengan penamaan supaya selaras dengan hukum syarak.

"Mereka meminta fatwa kepadamu (tentang kalalah). Katakanlah, Allah memberi fatwa kepadamu tentang kalalah (iaitu): jika seorang meninggal dunia, dan ia tidak mempunyai anak dan mempunyai saudara perempuan, maka bagi saudaranya yang perempuan itu seperdua dari harta yang ditinggalkannya, dan saudaranya yang lelaki mewarisi (seluruh harta saudara perempuan), jika dia tidak mempunyai anak. Tetapi jika saudara perempuan itu dua orang, maka bagi keduanya dua pertiga dari harta yang ditinggalkan. Dan jika mereka (ahli waris itu terdiri dari) saudara laki-laki dan perempuan, maka bahagian seorang saudara lelaki sebanyak bahagian dua orang

saudara perempuan. Allah menerangkan (hukum ini) kepadamu, supaya kamu tidak sesat. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu." (Surah Al-Nisa': 176).

Datuk Ismail Yahya, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, berkata kebanyakan masyarakat Islam tidak begitu memahami persoalan yang berkaitan dengan wasiat. Keadaan itu menimbulkan salah faham apabila ia disamakan dengan wasiat orang bukan Islam yang boleh diberi kepada sesiapa tanpa had.

Katanya "*antara masalah yang sering timbul dan boleh menjadi punca pertikaian adalah wasiat melebihi kadar sepertiga daripada keseluruhan harta pewasiat di samping, mewasiatkan harta kepada penerima faraid sehingga menimbulkan masalah iri hati ahli waris lain.*" (Berita Harian yang bertarikh 19 Disember 2003 daripada Nor Affizar Ibrahim).

Rentetan petikan akhbar ini, jelas menyatakan bahawa pentingnya pewasiat (Musi) untuk mewasiatkan harta secara adil kepada ahli keluarga (Musa Lahu) yang berhak bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan di antara ahli keluarga selepas pencarum meninggal dunia. Hanya 1/3 daripada nilai keseluruhan harta boleh diwasiatkan kepada bukan waris kecuali dengan persetujuan kesemua waris selepas kematian pewasiat.

Kesimpulannya, dengan melakukan penamaan proses agihan harta daripada pencarum KWSP kepada ahli keluarga atau individu selepas meninggal dunia dapat dipercepatkan tanpa perlu dokumen pentadbiran harta dan pihak pengurusan KWSP akan menguruskan pembayaran dengan mudah dan cepat. Selain itu, konsep faraid ini juga dapat menjamin kehidupan seseorang pada masa hadapan serta dapat mengelakkan berlakunya pertelingkahan di antara ahli keluarga.